

06/08/2003

Kecemerlangan tamadun dinilai menerusi seni bina

Abd Bashid Harun

DALAM kerancangan negara membangunkan tamadunnya, Malaysia tidak lupa kepada tamadun masa silam.

Banyak perkara yang dipelajari daripada sesuatu tamadun. Sebagai contoh apabila kita membaca mengenai tamadun China kita akan tahu sejarah kemunculan simbol Yin dan Yang.

Tetapi tidak semua orang membaca sejarah China dan kalau ada pun mereka tidak terbaca mengenai simbol itu.

Begitu juga kebanyakan daripada kita mengenali tamadun China melalui Tembok Besar yang dibina Shih Huang Ti dan raja sebelumnya yang dikatakan salah satu daripada tujuh binaan ajaib dunia.

Tembok Besar itulah yang menyebabkan tamadun China dikenali dari dulu hingga sekarang. Ia diketahui bukan saja oleh orang berilmu, tetapi juga oleh golongan yang tidak berpendidikan.

Begitulah besarnya pengaruh seni bina, monumen dan binaan dalam sesuatu tamadun.

Setinggi manapun tamadun, ia tetap akan membangunkan seni bina yang unik, terbesar, tertinggi atau terunggul untuk tinggalan kepada generasi berikutnya. Di sinilah sejarah sesuatu tamadun itu dikenang dan menjadi lebih ceria.

Persoalannya apakah salah Malaysia yang sedang membina tamadunnya yang unggul di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendirikan bangunan yang tertinggi, tercantik, terancang dan terhebat pada abad ini seperti yang dapat dilihat melalui KLIA, Menara Berkembar Petronas, Putrajaya dan lain-lain?

Kita harus ingat bahawa sesuatu tamadun dikenang melalui seni bina atau bangunannya. Mana ada suatu tamadun dalam dunia ini yang tidak membina bangunan atau binaan ketika mereka berkuasa. Sebabnya, itulah yang akan ditinggalkan dan dilihat oleh generasi berikutnya.

Kita selalunya lebih mengenang benda yang boleh kita lihat daripada benda yang kita baca. Inilah sebabnya setiap tamadun dan kerajaan akan membina bangunan. Kalau ini sudah dilakukan oleh kebanyakan tamadun sebelum ini, salakah kita melakukannya.

Setinggi manapun tamadun yang kita bina dan sekeras manapun suara kita untuk membuktikan kejayaan kita, orang kemudian tidak akan menilainya, jika mereka tidak dapat melihatnya.

Untuk melihatnya, kita harus mengadakannya, bukan hanya bercakap mengenainya. Inilah formula Malaysia untuk menjadikan negara ini terkenal di seluruh dunia dan dikenang generasi akan datang.

Kita harus tinggalkan sesuatu yang dapat dilihat selain sesuatu yang boleh dibaca. Sebabnya tidak semua orang yang mengetahui perkembangan sesuatu tamadun itu melalui pembacaan, tetapi jika mereka melihat sesuatu binaan, itu sudah mencukupi buat mereka mengenali sesuatu tamadun. Inilah asasnya Malaysia membina bangunan yang terbesar, terancang dan tercantik.

Mungkin orang menyatakan bangunan didirikan terlalu besar untuk sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Saya ingin bertanya kepada mereka yang selalu mempertikaikan usaha ini, apakah jika mereka menjadi pemimpin mereka akan membina yang terkecil untuk ditinggalkan kepada generasi yang akan datang dan mengharap yang usaha mereka itu akan dikenang?

Mungkin mereka boleh bina jambatan terkecil, masjid terkecil, menara terkecil, lapangan terbang terkecil, lalu mereka mengharap orang akan

mengenal sesuatu yang terkecil yang mereka bangunkan untuk negara.

Apabila tamadun awal sudah membina sesuatu yang terbesar, terbaik dan terhebat untuk dikenang, mengapa kita pada zaman moden yang mempunyai berjuta-juta keupayaan untuk melakukannya memilih yang kecil-kecil untuk dibangunkan?

Tidakkah kita tahu bahawa bangunan paling besar yang kita bina sekarang ini pun tidak mampu mengalahkan tujuh benda ajaib di dunia, apatah lagi kalau sesuatu yang dibina itu kecil dan tidak menarik.

Adakah anda yakin bangunan yang terbesar yang kita bina sekarang akan mampu bertahan seperti kedudukannya 10 atau 20 tahun lagi? Itulah sebabnya negara kita membangunkan sesuatu kemudahan yang terbaik dan bersifat futuristik supaya kejayaan kita tidak cepat dilupakan dan pudar ditelan zaman.

Dalam membangunkan sesuatu kemudahan yang berdaya maju, Malaysia mempunyai formulanya sendiri.

Menurut formula kita kecanggihan struktur saja tidak akan menjadikan kemudahan yang dibangunkan bertaraf dunia. Kita membina kemudahan untuk menampung keperluan 100 tahun akan datang.

Apabila kita membina sesuatu kemudahan kita tidak sekadar melihat saiz dan jumlah wang yang dibelanjakan, tetapi kita melihat lebih daripada itu.

Bagi yang melihat saiz atau wang yang digunakan, mereka akan mudah terperangkap dengan taktik pihak tertentu yang menuduh sesebuah bangunan itu terlampau mewah atau terlampau besar.

Mereka pun mendakwa kerajaan telah melakukan pembaziran. Golongan ini melihat sesuatu berdasarkan keperluan semasa sedangkan kerajaan melihat bangunan yang dibina untuk keperluan akan datang.

Kerajaan sanggup mendahului zaman dan mengorbankan kepentingan jangka pendek setelah menyedari keuntungan jangka panjang yang bakal diperoleh.

Kita tidak mahu hari ini kita bangunkan sesuatu bangunan tetapi beberapa tahun lagi kita terpaksa membina bangunan yang lebih besar kerana bangunan yang sedia ada menjadi semakin kecil dan sudah tidak mampu menampung kapasiti yang semakin bertambah. Apabila ini berlaku, maka kita memang sudah membazirkan wang.

Sebagai contoh sewaktu lapangan terbang Subang dirancang, kita menganggarkan penumpang seramai 400,000 setahun menggunakannya.

Tetapi selepas 33 tahun dibina, ia terpaksa menampung 16 juta penumpang setahun.

Ini adalah pertambahan sebanyak 4,000 peratus daripada jangkaan. Pertumbuhan yang sebegini pesat bermakna kita tidak boleh membuat persediaan untuk 30 hingga 40 tahun saja.

Sekurang-kurangnya kita terpaksa membangunkan kemudahan lapangan terbang untuk kegunaan 100 tahun akan datang.

Itulah sebabnya kita bina lapangan terbang baru di Sepang yang mampu menampung penumpang sehingga 10 kali ganda daripada yang dijangka sekarang.

KLIA adalah sebuah lapangan terbang bertaraf dunia, yang tercantik tetapi termurah berbanding lapangan terbang setaraf dengannya. Ia satu-satunya lapangan terbang di dunia yang berkonsepkan lapangan terbang dalam hutan dan hutan di dalam lapangan terbang.

Tidak salah kita membina yang terkecil, tetapi biarlah setelah kita membina yang terbesar sebab biasanya yang terkecil hanya layak dikotak katikkan dan dijadikan bahan cenderamata untuk dibawa pulang.

Atau disimpan sebagai bahan pameran bersejarah. Benda terkecil yang dibawa pulang oleh pelancong sebagai cendera mata akan menjadi lebih bermakna dan dikenang selalu, kerana benda itu memang wujud dalam erti kata yang sebenar.

ABD BASHID HARUN,

Universiti Malaya.